

Rujukan Kami : USM.JB.PB.G.1/2024

Tarikh : 9 Ogos 2024

**Kepada:**

Pengarah Kampus/ Dekan/ Pengarah/  
Penyelaras/ Ketua Jabatan  
Pusat Pengajian/ Pusat/ Jabatan/ Unit  
Kampus Induk/ Kejuruteraan/ Kesihatan  
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2024 :  
KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA  
PEGAWAI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari telah mengeluarkan Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2022 – Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Sains Malaysia Kerana Menjalankan Tugas Rasmi.

3. Walau bagaimanapun, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (WP1.4), Surat Edaran Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 10 Jun 2024 dan 24 Julai 2024, **Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2024 - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Sains Malaysia Kerana Menjalankan Tugas Rasmi** dikeluarkan menggantikan Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2022 untuk rujukan dan panduan Pusat Tanggungjawab.

4. Pemakaian pekeling ini adalah **berkuat kuasa mulai 15 Ogos 2024**. Dengan berkuat kuasanya peraturan ini, Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2022 adalah **dibatalkan**.


Kerjasama dan keprihatinan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan memanjangkan hebahan ini kepada semua di bawah seliaan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAFIZAL ABD RAHIM)  
Bendahari

s. k. Naib Canselor

RAR/ZZ/SAZ/nhab

